

Headline	Dua gol bukan jaminan Sapura ke pentas final		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Page No	91
ArticleSize	163 cm <sup>2</sup>	Journalist	Saifui Affendy
PR Value	RM 19,264		



## >> **Sapura menang 3-1 ke atas KLHC** pada separuh akhir pertama **Piala TNB**

### Dua gol bukan jaminan Sapura ke pentas final

**Saifui Affendy Sapran**

saifulaffendy@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur:** Kapten Sapura Muhammad Marhan Jalil (*gambar*) bertegas kelebihan dua gol bukan jumlah besar untuknya serta rakan sepasukan untuk berasa selamat menjelang aksi separuh akhir kedua Piala TNB bertemu Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), di Stadium Hoki Pantai, hari ini.

Sapura di bawah bimbingan Yahya Atan memamer aksi bertenaga pada saingan separuh akhir pertama apabila mencatat kemenangan 3-1 ke atas KLHC, sekali gus menebus dua ke-



kalahan pada saingan liga.

Kini Sapura tinggal selangkah untuk mara ke pentas final, tetapi Marhan tidak mahu rakan sepasukannya terlalu leka dengan kelesi-

han dua jaringan itu.

"Kelebihan dua jaringan bagi saya masih belum cukup sebab KLHC mungkin masih belum menemui rentak terbaik mereka.

"Pada perlawanan pertama, mereka mempunyai banyak peluang menjaringkan gol menerusi pukulan sudut penalti tetapi barisan pertahanan kami juga melakukan tugas dengan cemerlang.

"Itulah antara kunci kejayaan kami mencatatkan kemenangan 3-1 ke atas KLHC," katanya.

Marhan yang juga pemain skuad kebangsaan berkata, dia percaya KLHC pasti akan bangkit pada separuh akhir

kedua untuk mencari kemenangan sekali gus menempah slot ke final.

"Jika jurulatih bersetuju dengan corak taktikal menekan seperti pada separuh akhir pertama, kami akan teruskan.

"Kami tidak mahu lawan menguasai perlawanan dan menyebabkan kami terpaksa beraksi dengan corak bertahan," katanya.

Satu lagi aksi separuh akhir kedua menyaksikan THT bertemu Maybank dengan skuad bimbingan Sarjit Singh itu mempunyai kelebihan besar selepas mencatat kemenangan 6-1 ke atas lawannya itu pada separuh akhir pertama.